

Himpunan Hadith Tibb Al-Nabawi dan Isu-Isu Berkaitan Perawatan Nabawi di Malaysia

Compilation of Hadiths on Tibb Al-Nabawi and Issues Related to Prophetic Treatments in Malaysia

Nur Zainatul Nadra Zainol^{1,2*}, Nurnajwa Izzati Ahmad³, Muhammad Suhaimi Sulong¹

¹ Insitut Ahli Sunnah Wal Jamaah,

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

² Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum,

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

³ Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor MALAYSIA

*Corresponding Author: nadra@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/jqsr.2025.06.01.002>

Maklumat Artikel

Diserah: 26 Mac 2025

Diterima: 10 Jun 2025

Diterbitkan: 30 Jun 2025

Kata Kunci

Tibb Al-Nabawi, perubatan Islam, perawat Islam, *Kutub Sittah*

Abstrak

Tibb Al-Nabawi atau turut merujuk kepada perubatan Islam ialah kaedah perubatan yang menjadi amalan Rasulullah melalui rujukan terhadap al-Quran dan hadis Nabawi. Perubatan nabawi melibatkan ruqyah, bahan-bahan seperti air dan herba serta bekam dan hendaklah dilakukan mengikut syariat Islam. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menghimpunkan hadis-hadis berkaitan dengan tibb al-Nabawi serta menelusuri isu-isu yang berlaku mengenai pelaksanaan perubatan nabawi dalam konteks Malaysia. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan kitab hadis *Kutub Sittah* sebagai kaedah pengumpulan data utama. Manakala isu pelaksanaan perawatan nabawi di Malaysia dianalisis daripada kajian lepas. Dapatan kajian mendapati bahawa sebanyak 20 buah hadis dipilih berkaitan tibb al-nabawi. Dan terdapat isu amalan perawatan nabawi di Malaysia iaitu penyelewengan ayat al-Quran dan hadis, integriti perawat dan pusat perubatan Islam. Kaedah perawatan nabawi perlu diambil perhatian oleh masyarakat Islam dan isu yang timbul berkaitan perawatan di Malaysia perlu ditangani dengan penuh hikmah.

Keywords

Tibb Al-Nabawi, Islamic treatments, Muslim healers, Six Book of Hadith

Abstract

Tibb Al-Nabawi, also referred to as Islamic medicine, is a method of healing practiced by the Prophet Muhammad, based on references from the Qur'an and prophetic traditions (hadith). Prophetic medicine includes practices such as ruqyah (spiritual healing), the use of substances like water and herbs, and cupping therapy (bekam), all of which must be conducted in accordance with Islamic law. Therefore, this article aims to compile hadiths related to Tibb al-Nabawi and to explore issues surrounding its implementation in the Malaysian context. This qualitative study employs content analysis of hadith compilations from the Kutub al-

Sittah as the primary data collection method. Issues concerning the practice of prophetic healing in Malaysia are analyzed based on previous research. The findings of the study reveal that 20 hadiths related to Tibb al-Nabawi were selected. Additionally, several issues were identified regarding the practice of prophetic healing in Malaysia, including the misuse of Qur'anic verses and hadiths, the integrity of practitioners, and the credibility of Islamic healing centers. The method of prophetic healing should be given due attention by the Muslim community, and the issues that arise in its practice in Malaysia must be addressed with wisdom and care.

1. Pengenalan

Tibb Nabawi atau *Al-Tibb Al-nabawi* merupakan cara perubatan yang datang daripada Rasulullah. Istilah ini berasal daripada dua perkataan iaitu al-Tibb yang bermaksud perubatan dan al-Nabawi iaitu membawa makna kenabian. Al-Nasimi menyatakan bahawa Tibb al-Nabawi merujuk kepada himpunan sesuatu yang datang daripada Rasulullah yang mempunyai perkaitan dengan bab perubatan sama ada ayat al-Quran atau hadis nabi (Muhammad Akmaludin Mohd Hamdan, 2023). Konsep perubatan nabawi sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah menunjukkan pelbagai jenis ubat-ubatan merangkumi herba, buah-buahan, tanaman dan lain-lain bahan serta elemen kaedah rawatan. Maka, dapat diringkaskan bahawa pengubatan melalui *tibb nabawi* mempunyai tiga kaedah di dalamnya iaitu aspek spiritual, material dan moral. Aspek spiritual membawa maksud kaedah rawatan yang melibatkan ayat-ayat al-Quran atau doa-doa sebagaimana yang telah diamalkan oleh Rasulullah ketika merawat. Material pula merujuk kepada bahan secara fizikal iaitu kaedah rawatan yang menggunakan ubat-ubatan atau herba tertentu yang digunakan bagi mengubati pesakit mengikut penyakit masing-masing. Manakala, moral bermaksud perbuatan memperbaiki diri dengan memohon ampun kepada Allah serta bertaubat kepada-Nya atas kesalahan yang pernah dilakukan di mana aspek ini hendaklah dipraktikkan oleh pesakit dan perawat ketika melakukan rawatan (Rosdianah Rahim, 2015).

Keistimewaan *tibb nabawi* dapat dilihat melalui tiga kaedah pendekatan berkenaan yang diamalkan dalam perubatan nabawi apabila disertai dengan rasa insaf dan muhasabah di tengah-tengah kesakitan yang dialami apabila selepas dari usaha rawatan dan ubat-ubatan, aspek kesihatan rohani juga hendaklah dititikberatkan. Perawat dan pusat rawatan memainkan peranan yang penting dalam konteks perubatan islam di Malaysia, terutamanya bagi rawatan jenis ruqyah dan bekam (Othman, M. R., et. al, 2022).

2. Sorotan Literatur

2.1 Perkembangan Tibb Al-Nabawi di Malaysia

Kemunculan istilah Al Tibb Al Nabawi bermula pada seawal kurun kedua hijrah di mana ianya berlaku lantaran dari himpunan hadis berkaitan perubatan oleh para ilmuwan. Tokoh pertama yang menggunakan istilah berkenaan ialah Imam Ja'far al-Sadiq. Manakala, penulisan dan himpunan rasmi hadith al-tibb al-nabawi pula secara rasminya bermula sedari kurun ketiga hijrah yang dipelopori oleh Imam Al-Rida' melalui karya beliau yang bertajuk al-Risalah al-Dhahabiyyah fi al-Tibb al-Nawawi. Corak penulisan karya-karya berbahasa Arab yang menghimpunkan hadith-hadith berkaitan al-tibb al-nawawi dapat dilihat apabila penulisan karya-karya berkaitan hadith al-tibb al-nabawi semakin giat dilaksanakan. Mohd Hamdan, M. A. , et. al, (2023) mendapati bahawa terdapat lima corak penulisan karya al-tibb al-nawawi iaitu bermula dengan himpunan ringkas, himpunan menyeluruh, ringkasan yang kemudiannya diikuti dengan syarahan perubatan klasik dan syarahan perubatan moden. Perubahan dari himpunan kepada syarahan dapat dilihat daripada aspek tertentu iaitu dimulakan dengan himpunan hadith-hadith tibb nabawi tanpa disertai dengan syarahan atau ulasan kecuali bagi perkataan gharib. Tren komentar dan syarahan terhadap hadith seterusnya semakin menjadi pilihan dengan merujuk kepada rujukan-rujukan berkaitan ilmu perubatan. Contoh-contoh penulisan (Mohd Hamdan, M. A. , et. al, 2023). Fasa perkembangan dalam penulisan al-tibb al-nabawi menjadi pembuktian bahawa perubatan nabawi telah menjadi topik perbahasan para ulama sejak dahulu lagi, malah al-tibb al-nabawi turut semakin diketengahkan dalam kalangan masyarakat kini.

Di Malaysia, perubatan islam termasuklah al-tibb al-nabawi telah mendapat pengiktirafan daripada pihak kerajaan. Apabila ditelusuri dari aspek sejarah, perkembangan ilmu perubatan islam telah lama bertapak dalam kalangan masyarakat Melayu di negara ini atau dikenali dengan Alam Melayu suatu ketika dahulu melalui penghasilan kitab Tib. Penggunaan istilah Tib yang digunakan sebagai istilah bagi perubatan dapat dilihat pada naskah lama seperti Muja'abat Melayu, Tajul Muluk, Tajuk as Salatin dan Surat Tib Ubat. Usaha pihak kerajaan dalam memelihara perubatan Melayu diteruskan lagi melalui inisiatif memberi kelulusan kepada beberapa geran penyelidik di mana penyelidikan-penyelidikan tersebut tertumpu berkaitan perubatan Melayu seperti

menganalisis beberapa kitab Tibb yang mana ia turut menyumbang kepada perkembangan perubatan islam di Malaysia (Othman, M. R., et. al, 2022). Kini, dapat dilihat bahawa perubatan islam dikategorikan sebagai salah satu kaedah rawatan tradisional dan komplementari. Penubuhan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2004 seterusnya memperkukuh perakuan terhadap perubatan islam sebagai salah satu komponen yang penting dalam sistem penjagaan kesihatan di negara ini (Farhah Zaidar Mohamed Ramli et. al, 2018). Akta Perubatan Tradisional Dan Komplementari 2016 (Akta 775) seterusnya diwartakan oleh kerajaan pada tahun 2016 bagi mengawal selia perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari termasuklah perubatan islam melalui penubuhan majlis perubatan tradisional dan komplementari sebagai salah satu inisiatif dalam memelihara perubatan islam. badan pengamal bagi amalan pengubatan islam adalah persatuan perubatan, pengubatan dan kebajikan islam Malaysia menurut warta persekutan yang dikeluarkan pada tahun 2020 melalui Akta Perubatan Tradisional Dan Komplementari 2016 tersebut. perkara ini seterusnya membolehkan masyarakat untuk berasa lebih yakin dengan mendapatkan rawatan dari para pengamal, perawat dan pusat rawatan Islam yang berdaftar di samping dalam mengelakkan dari berlakunya penyelewengan ayat-ayat al-quran dan terhadap ajaran agama islam melalui pengamalan syariat Islam yang sebenar.

Kajian Kasim Ramli & Sofia Hayati Yusoff, (2018) mengenalpasti institusi perubatan di Malaysia yang masih lagi mengamalkan perubatan nabawi sebagai salah satu alternatif bagi para pesakit iaitu darussyifa di mana dapatan kajian menunjukkan bahawa jenis-jenis rawatan yang diaplikasikan oleh pusat perubatan islam berkenaan ialah diamalkan berdasarkan kepada hadith-hadith dan amalan Nabi.

2.2 Kaedah Perubatan dalam Tibb Al-Nabawi

Rujukan terhadap hadith-hadith mengenai perubatan, amalan rawatan dan kesihatan amat diperlukan ketika membahaskan tentang perubatan nabawi. Menurut Kasim Ramli & Sofia Hayati Yusoff, (2018) terdapat tiga jenis kaedah perubatan Nabi iaitu kaedah-kaedah yang dipraktikkan, diakui dan disebut oleh rasulullah. Kaedah-kaedah perubatan nabi berkenaan ialah rawatan menggunakan al-quran, rawatan menggunakan pelbagai doa serta rawatan dengan penggunaan pelbagai bahan seperti buah-buahan, bekam dan sebagainya, di samping disokong dengan hadith-hadith dari pelbagai sumber kitab hadith. Manakala, keberkesanan rawatan nabawi terhadap pesakit pula diukur melalui penelitian terhadap hadith-hadith nabawi, bukti daripada contoh amalan para ilmuwan terdahulu yang menyatakan penggunaan jenis-jenis rawatan tersebut, termasuklah penggunaan ayat-ayat al quran sebagai sokongan serta sebab-sebab di sebalik amalan nabi SAW dalam berubat (Kasim Ramli & Sofia Hayati Yusoff, 2018).

Teknik ruqyah dibincangkan dalam kajian apabila pengkaji membahaskan tentang kaedah-kaedah sampingan yang turut digunakan oleh nabi Muhammad saw selain dari kesemua kaedah utama yang telah dinyatakan. Antaranya, cara ruqyah pesakit yang disertai dengan hembusan, mengamalkan bilangan ganjil apabila membaca ruqyah al-quran dan mengulangi doa tertentu sebanyak tiga atau tujuh kali serta pelbagai lagi amalan lain. Kefahaman yang betul menurut syariat berkaitan hal ini dilihat masih kurang dibincangkan dan disebarkan dalam kalangan masyarakat menyebabkan pelbagai salah faham dan penyelewengan berlaku. (Kasim Ramli & Sofia Hayati Yusoff, 2018).

Selain itu, penggunaan pelbagai bahan seperti merangkumi makanan, minuman, buah-buahan, tumbuh-tumbuhan dan herba seperti habbatus sauda adalah sebahagian dari amalan perubatan nabawi di mana menurut hadith-hadith al-tibb al-nawawi, bahan-bahan tersebut digunakan bagi merawat penyakit-penyakit tertentu. Antara bahan yang dimaksudkan mempunyai manfaat dalam rawatan adalah madu dalam merawat sakit perut, penggunaan habbatus sauda dalam rawatan penyakit-penyakit umum dan daun inai bagi rawatan ulser. Setiap bahan di bawah tibb nabawi mengandungi manfaat dan boleh digunakan dalam salah satu usaha merawat pesakit bagi beberapa penyakit tertentu di mana manfaatnya telah dibuktikan keberkesanannya berdasarkan kepada beberapa kajian yang dilakukan oleh para pengkaji lepas. Bukan itu sahaja, bahan-bahan berkenaan dilihat mempunyai potensi dalam bidang ubat-ubatan dalam mengubati lebih banyak jenis penyakit sebagai alternatif tambahan di samping perubatan dan ubat-ubatan moden.

Di samping itu, amalan bekam juga adalah merupakan salah satu rawatan perubatan Islam. sejarah menyatakan bahawa amalan bekam telah muncul sebelum zaman Rasulullah lagi, malah disebut sebagai salah satu terapi yang tertua di dunia. Bekam dikenali dengan pelbagai nama seperti *hijamah*, *kop*, *cucurbit*, *cupping*, *fire bottle*, *blood-letting*, *pa hou kuan*, *badkesh*, *bahnkes*, *nuhang*, *bantusa*, *kuyukaku*, *gak hoi*, *chantuk*, *chanduk* dan *hijamah*. Oleh itu, pengamalan Rasulullah dalam berbekam menurut hadith-hadith nabawi menunjukkan perakuan oleh Rasulullah ke atas terapi bekam. Berdasarkan kepada perspektif Ibn Qayyim dengan meneliti isi-isi kandungan kitab Tibb Al-Nabawi karangan Ibn Qayyim Al-Jawziy' di mana dinyatakan oleh sebilangan ulama bahawa kitab ini merupakan sebahagian daripada kitab *Zaadul Ma'ad Fi Hadyi Khairil Ibad*, bekam adalah suatu proses yang dilakukan bagi mengeluarkan darah kotor daripada anggota badan. Didapati bahawa terdapat beberapa waktu dan hari-hari tertentu yang dikatakan sesuai untuk meakukan rawatan bekam. Hal ini sebagaimana hadith-hadith yang mana didalamnya mengandungi hari-hari yang dianjurkan untuk berbekam

iaitu pada hari ke-17, 19 dan 21 bulan Hijriah. Ibn Qayyim turut menyatakan bekam boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja dan berpendapat bahawa dilakukan pada waktu siang iaitu antara pukul dua sehingga pukul tiga petang adalah waktu yang terbaik. Hari-hari yang tidak sesuai untuk melakukan rawatan bekam pula mempunyai dua pendapat iaitu hari Rabu, Jumaat dan Sabtu, manakala pendapat kedua menyatakan hari khamis, jumaat, sabtu dan ahad. Kajian ini membincangkan titik-titik bekam secara asas bagi penyakit-penyakit tertentu seperti Al-Kahil bagi merawat sakit bahu dan leher serta Ala Wark bagi penyakit lenguh sendi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa rawatan bekam telah menjadi perbincangan dan perbincangan oleh para ulama sesuai dengan penelitian terhadap hadith nabawi, malah masih lagi menjadi sorotan kajian dan diskusi oleh para ulama kontemporari serta para ilmuwan masa kini dalam usaha memanfaatkan rawatan bekam sebagai salah satu kaedah rawatan penyakit yang lebih berkesan (Rosli, M. H., et al, 2024a).

Jenis-jenis bekam secara amnya terbahagi kepada dua jenis iaitu jenis bekam basah atau darah dan bekam kering. Perbezaan antara kedua-dua jenis bekam berkenaan dapat dilihat melalui proses bekam yang dilakukan di mana bekam basah dilakukan dengan cara melukakan sedikit pada bahagian anggota badan tertentu untuk mengeluarkan darah kotor, angina, panas dan darah beku. Manakala bekam kering atau angin pula dilakukan tanpa melukakan mana-mana anggota tubuh badan, maka kaedah ini tidak melibatkan proses mengeluarkan darah daripada tempat yang dibekam. Bekam api pula merupakan jenis bekam yang menggunakan alatan iaitu gelas kaca, tanduk atau buluh. membahaskan bahawa mampu merawat penyakit fizikal spt darah tinggi dan juga bukan fizikal. Begitu juga dengan racun yang mempunyai dua jenis iaitu racun moden dan racun tradisional (Rosli, M. H., et. al, 2024b).

Kegunaan rawatan bekam dilihat berfungsi dalam merawat racun. Berdasarkan kepada kitab ibn qayyim al-jawziyyah mengatakan bahawa terdapat dua kaedah untuk mengeluarkan racun daripada badan iaitu cara pertama dengan mengeluarkan atau memuntahkan racun tersebut melalui ubat-ubatan. Cara kedua yang dicadangkan oleh ibn qayyim sebagai alternatif sekiranya penawar kepada racun tidak dapat dijumpai ialah terapi bekam. Amalan oleh Rasulullah memperlihatkan bahawa Baginda SAW memilih titik kahil sebagai tempat berbekam. Dalam konteks rawatan terhadap racun, kalil ialah titik yang mewakili organ-organ penting dalam tubuh badan manusia dan dikatakan bahawa racun berkumpul di bahagian-bahagian tubuh berkenaan di mana titik kahil merujuk kepada titik pertemuan antara meridian usus besar, perut, usus kecil, pundi kencing, hempedu dan organ-organ Triple-Heater atau tiga bahagian kaviti (hati, jantung, limpa, paru-paru, perut, buah pinggang dan usus). Terapi bekam didapati bukanlah mengeluarkan racun sepenuhnya dari tubuh badan, tetapi kesan dari racun tersebut akan berkurangan berbanding kesan yang asal (Rosli, M. H., et. al, 2024b).

Justeru, artikel ini akan menganalisis *Kutub Sittah* bagi mengeluarkan hadis-hadis berkaitan dengan kaedah perawatan Nabawi berdasarkan kepada sumber hadis sahih berikutan terdapat penulisan hadis dalam perawatan Islam bersumberkan hadis tidak sahihi. Walaupun begitu, didapati bahawa masih terdapat isu-isu berkaitan perubatan nabawi yang berlaku di Malaysia meskipun kaedah perubatan nabawi semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Justeru, kajian ini membincangkan tentang perkembangan tibb nabawi serta isu-isu dan permasalahan yang berkait rapat dengan amalan perubatan nabawi di Malaysia.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif dan kaedah pengumpulan data menerusi analisis kandungan kitab hadis *Kutub Sittah* sebagai rujukan utama. Manakala jurnal, artikel dan tesis berautoriti dari laman web menjadi rujukan sekunder bagi memastikan kesahihan sumber maklumat seperti artikel Prinsip Ubat-Ubatan Nabawi Menurut Mahmud Nazhim Al-Nasimi oleh Muhammad Akmalludin Mohd Hamdan (2023). Data yang diperoleh seterusnya dianalisis secara tematik iaitu pengkaji membina tema yang bersesuaian berdasarkan kepada kajian-kajian lepas seperti artikel Pusat Perubatan Alternatif Islam Di Malaysia: Persepsi Perawat Terhadap Aplikasi Jin Dalam Rawatan (2015). Kemudian tema-tema ini dianalisis secara deskriptif.

4. Hasil Kajian Dan Perbincangan

4.1 Himpunan Hadith Tibb Al-Nabawi

Aspek perbincangan melibatkan perubatan nabawi atau *tibb al-nabawi* yang dibincangkan oleh kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa perbincangan menerusi sudut hadith seringkali digunakan oleh para pengkaji di mana perbincangan isi kandungan hadith sering dimasukkan dalam hujah-hujah. Hal ini mendorong kepada keperluan untuk menghimpun dan mengenalpasti hadith-hadith bagi setiap jenis perubatan nabawi, merangkumi hadith berkaitan bahan-bahan seperti herba, amalan berbekam dan ruqyah. Hadith-hadith dipilih berdasarkan kepada hadith yang digunakan oleh para pengkaji terdahulu dalam kajian mereka. Hasil kajian mendapati himpunan hadith-hadith tibb al-nabawi adalah sebagaimana dalam Jadual 1.0 berikut:

Jadual 1 Himpunan *hadith-hadith* terpilih berkaitan *Tibb Nabawi*

Bil.	Jenis tibb nabawi	Hadith	Kitab/Bab	Periwayatan
1	Kurma	عَنْ عَائِشَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا - قَالَتْ ثَوَّقَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَدْ شَبِعْنَا مِنَ الْأَسْوَدَيْنِ النَّمْرَ وَالْمَاءَ	70/42 Kitab al-'at'imah Bab akli al-jummar	Sahih Bukhari 5442
		قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " مَنْ تَصَبَّحَ كُلَّ يَوْمٍ سَبْعَ تَمَرَاتٍ عَجْوَةٍ لَمْ يَضُرَّهُ ذَلِكَ الْيَوْمَ سُمٌّ وَلَا سِحْرٌ "	70/43 Kitab al-'at'imah Bab al-'ajwah	Sahih Bukhari 5445
		عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " مَنْ تَصَبَّحَ سَبْعَ تَمَرَاتٍ عَجْوَةٍ لَمْ يَضُرَّهُ ذَلِكَ الْيَوْمَ سُمٌّ وَلَا سِحْرٌ "	29/12 Kitab al-tibb Bab fi tamrat al-'ajwah	Sunan Abi Dawud 3876
		قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " الْعَجْوَةُ مِنَ الْجَنَّةِ وَفِيهَا شِفَاءٌ مِنَ السَّمِّ وَالْكُمَاءُ مِنَ الْمَنْ وَمَاؤُهَا شِفَاءٌ لِلْعَيْنِ "	28/22 Kitab al-tib 'an rasulullah sallallahu alaihi wasallam Bab ma ja'a fi al-kam'ati wa al-'ajwah	Sunan Al-Tirmidhi 2066
		فَقَالَ " الْكُمَاءُ مِنَ الْمَنْ وَالْعَجْوَةُ مِنَ الْجَنَّةِ وَهِيَ شِفَاءٌ مِنَ السَّمِّ "	31/8 Kitab al-tib Bab al-kam'ati wa al-'ajwah	Sunan Ibn Majah 3455
2	Bubur gandum talbinah	سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ " التَّلْبِينَةُ مَجْمَعُ لِفَوَادِ الْمَرِيضِ، تَذْهَبُ بَعْضُ الْحُزْنِ "	70/24 Kitab al-'at'imah Bab al-talbinah	Sahih Bukhari 5417
3	Madu	عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " الشِّفَاءُ فِي ثَلَاثَةِ شَرْطَةٍ مُحَجِّمٌ، أَوْ شَرْبَةُ عَسَلٍ، أَوْ كَيْفٍ بَنَارٍ، وَأَنْتَهَى أَمْتِي عَنِ الْكَيِّ "	76/3 Kitab al-tib Bab al-syifa' fi thalath	Sahih Bukhari 5681
4	Habbatuss auda	سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ " فِي الْحَبَّةِ السَّوْدَاءِ شِفَاءٌ مِنْ كُلِّ دَاءٍ إِلَّا السَّامَ "	76/7 Kitab al-tib Bab al-habbah al-sauda	Sahih Bukhari 5688
5	Kayu gaharu	" إِنَّ أَمَثَلُ مَا تَدَاوَيْتُمْ بِهِ الْجَامَةُ وَالْقُسْطُ الْبَحْرِيُّ "	76/13 Kitab al-tib Bab al-hijamah min al-da'i	Sahih Bukhari 5696
6	Daun inai	عَنْ عَلِيِّ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، عَنْ جَدَّتِهِ، سَلَمَى وَكَانَتْ تَخْدُمُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ مَا كَانَ يَكُونُ بِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرْحَةٌ وَلَا نَكْبَةٌ إِلَّا أَمَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ أَضَعَّ عَلَيْهَا الْجَنَاءَ	28/13 Kitab al-tib 'an rasulullah sallallahu alaihi wasallam Bab ma ja'a fi al-tadawi bi al-hina'	Sunan Al-Tirmidzi 2054

Bil.	Jenis tibb nabawi	Hadith	Kitab/Bab	Periwayatan
		عَنْ جَدَّتِهِ، سَلَّمَ خَادِمَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ مَا كَانَ أَحَدٌ يَشْتَكِي إِلَيَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَجَعًا فِي رَأْسِهِ إِلَّا قَالَ " اخْتَجِمِ ". وَلَا وَجَعًا فِي رِجْلَيْهِ إِلَّا قَالَ " اخْضِبْهُمَا "	29/3 Kitab al-tib Bab fi al-hijamah	Sunan Abi Dawud 3858
7	Lidah buaya	قَالَ خَرَجْنَا مَعَ أَبَانِ بْنِ عُمَرَ حَتَّى إِذَا كُنَّا بِمَلَى اشْتَكَى عُمَرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ عَيْنَيْهِ فَلَمَّا كُنَّا بِالرَّوْحَاءِ اسْتَنْدَ وَجَعُهُ فَأَرْسَلَ إِلَى أَبَانِ بْنِ عُمَرَ يَسْأَلُهُ فَأَرْسَلَ إِلَيْهِ أَنْ اضْمُدْهُمَا بِالصَّبْرِ فَإِنَّ عُمَرَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - حَدَّثَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الرَّجُلِ إِذَا اشْتَكَى عَيْنَيْهِ وَهُوَ مُخْرِمٌ ضَمَدَهُمَا بِالصَّبْرِ	15/12 Kitab al-hajj Bab jawaz mudawah al-muhrim 'ainaihi	Sahih Muslim 1204
8	Zaitun	عَنْ عُمَرَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - " ائْتِدِمُوا بِالزَّيْتِ وَادَّهِنُوا بِهِ فَإِنَّهُ مِنْ شَجَرَةِ مُبَارَكَةٍ "	29/34 Kitab Al-At'imah Bab Al-Zaiti	Sunan Ibn Majah 3319
9	Delima	حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ خُثَيْمٍ أَبُو مَعْمَرٍ الْهَلَالِيُّ، حَدَّثَنَا جَدِّي رَبِيعَةُ ابْنَةُ عِيَّاضِ الْكَلَابِيَّةِ، قَالَتْ: سَمِعْتُ عَلِيًّا يَقُولُ: " كُلُوا الرُّمَانَ يَشْفِيهِ فَإِنَّهُ دِبَاعُ الْمَعِدَةِ "	Jilid 38 Hadith imra'ah	Musnad Imam Ahmad 23237
10	Akar pucuk (costus)	سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ " عَلَيْكُمْ بِهَذَا الْعُودِ الْهِنْدِيِّ، فَإِنَّ فِيهِ سَبْعَةَ أَشْفِيَةٍ يُسْتَعَطُّ بِهِ مِنَ الْعُدْرَةِ، وَيُلْدُّ بِهِ مِنْ ذَاتِ الْجَنْبِ "	76/10 Kitab al-tib Bab al-sa'uti bi al-qusti al-hindi al-bahri	Sahih Bukhari 5692
11	Bekam	عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ اخْتَجَمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ مُخْرِمٌ	76/12 Kitab al-tib Bab al-hajm fi al-safar wa al-ihram	Sahih Bukhari 5695
12	Ruqyah	عَنْ عَائِشَةَ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا اشْتَكَى يَقْرَأُ عَلَى نَفْسِهِ بِالْمُعَوَّذَاتِ وَيَنْفُثُ، فَلَمَّا اسْتَنْدَ وَجَعُهُ كُنْتُ أَقْرَأُ عَلَيْهِ وَأُمْسِحُ بِيَدِهِ رَجَاءَ بَرَكَتِهَا	66/14 Kitab Fadhail Al-Quran Bab fadhl al-mu'awwidzat	Sahih Bukhari 5016
		عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا مَرَضَ أَحَدٌ مِنْ أَهْلِهِ نَفَثَ عَلَيْهِ بِالْمُعَوَّذَاتِ فَلَمَّا مَرَضَ مَرَضَهُ الَّذِي مَاتَ فِيهِ جَعَلْتُ أَنْفُثُ عَلَيْهِ وَأُمْسَحُهُ بِيَدِ نَفْسِهِ لِأَنَّهَا كَانَتْ أَعْظَمَ بَرَكَهٍ مِنْ يَدِي	39/20 Kitab al-salam Bab ruqyah al-maridhi bi al-mu'awwidzat wa al-nafthi	Sahih Muslim 2192
		عَنْ عَائِشَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا - أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُعَوِّذُ بَعْضَ أَهْلِهِ، يَمْسَحُ بِيَدِهِ الْيُمْنَى وَيَقُولُ " اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ أَذْهِبِ الْبَاسَ، اشْفِهِ وَأَنْتَ الشَّافِي، لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ، شِفَاءٌ لَا يُعَادِرُ سَقَمًا "	76/38 Kitab al-Tibb Bab ruqyah al-nabi sallahu alaihi wasallam	Sahih Bukhari 5743

Berdasarkan penelitian kepada kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa hadith-hadith yang digunakan adalah bersumberkan pelbagai kitab hadith. Sebahagian besar hadith diambil sumbernya daripada *Al-Kutub Al-Sittah* iaitu merangkumi kitab Sahih Al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Nasaie', Sunan Abi Dawud, Sunan Al-Tirmidzi dan Sunan Ibnu Majah. Manakala sebuah hadith didapati dari kitab Al-Musnad Imam Ahmad yang juga merupakan salah sebuah kitab dari sembilan kitab *Al-Kutub Al-Tis'ah*. Selain itu, dapat dilihat bahawa

sesetengah pengkaji tidak meletakkan maklumat hadith dengan lengkap iaitu nombor hadith, nama bahagian kitab dan bab terletaknya hadith, nama perawi pertama hadith, status hadith, sanad matan menyatakan nama perawi tetapi tidak dinyatakan kitab asal hadith serta tidak meletakkan matan hadith berbahasa arab, sebaliknya hanya meletakkan pengertian dalam bahasa melayu kepada hadith sahaja. Hal ini akan menimbulkan kesukaran kepada para pembaca untuk memahami dan mengetahui sumber asal hadith, malah berpotensi untuk membataskan pengetahuan pembaca terhadap hadith ketika membuat rujukan terhadap kajian.

Tambahan lagi, perbezaan terbitan iaitu penerbit kitab bagi kitab-kitab hadith ini menjurus kepada perbezaan nombor hadith yang seterusnya memberi kesukaran kepada pembaca untuk mencari sumber hadith yang asal. Lantaran itu, meletakkan matan hadith asal termasuklah perawi pertama adalah penting bagi memudahkan pembaca dan masyarakat. Pengkaji tidak membuat kaedah takhrij hadith al-kutub al-sittah ke atas hadith, maka boleh jadi hadith-hadith tersebut turut mempunyai periwayatan yang berbeza dari pelbagai kitab hadith, sanad perawi dan matan hadith yang berbeza. Penelitian ke atas nama kitab dan bab terletaknya hadith di dalam kitab-kitab hadith berkenaan di mana kebanyakan hadith dikategorikan di bawah kitab al-tibb dan kitab al-at'imah menunjukkan bahawa hadith-hadith tersebut sesuai digunakan bagi perbincangan tibb al-nabawi.

4.2 Isu-isu Berkaitan Perubatan Nabawi

Situasi di Malaysia menampakkan bahawa segelintir masyarakat masih mempunyai kefahaman yang rendah berkaitan perubatan nabawi secara umum. Hal ini menyebabkan terjadinya kekeliruan dan salah faham, malah persepsi yang negative terhadap perubatan nabawi, di mana ianya turut berpunca dari tindakan sesetengah pihak yang mengambil kesempatan atas nama agama. antara isu yang muncul adalah berkenaan dengan isu penjualan ubat-ubatan dan perubatan islam dengan menyeleweng dan menyalahgunakan nama agama. perkara ini terjadi rentetan kurangnya pemahaman terhadap cara berinteraksi dengan hadith, terutamanya hadith Tibb Nabawi dalam konteks kajian apabila makna hadith diambil secara umum. isu ini memerlukan perhatian yang segera dan pengekangan yang tegas untuk mengelakkan amalan ini semakin berleluasa tanpa batasan. Kajian Mohd Hamdan, M. A. ., et. al, (2023) menyumbang kepada perbincangan keumuman dalam hadith-hadith perubatan nabawi. Amalan interaksi terhadap dalil-dalil hadith yang umum di mana pengertian isi kandungan hadith difahami secara literal menjadi faktor berlakunya isu-isu tindakan para penjual ubat-ubatan yang mengambil kesempatan menjual dengan memetik hadith secara makna umum tanpa pengetahuan yang betul terhadap ilmu hadith dan seterusnya berpotensi kepada timbulnya salah faham terhadap hadith-hadith. Maka, antara cara berinteraksi dengan hadith kesihatan yang betul hendaklah disertai pelbagai pandangan ilmuwan islam iaitu menurut Al-Nasimi. Kajian pemahaman hadith tibb nabawi dilakukan dengan meneliti prinsip ubatan-ubatan nabawi mengikut pandangan Dr Mahmud Nazhim al-Nasimi melalui perbincangan beliau dalam kitabnya yang berjudul "Al-Tibb al-Nabawi wa al-'Ilm al-Hadith". Metodologi yang diperkenalkan oleh Al-Nasimi terbahagi kepada tiga iaitu menyatakan masdar (sumber) hadis dan aras kesahihannya, mengulas perincian bahan-bahan semula jadi yang digunakan sebagai ubat-ubatan nabawi dan menghuraikan ubat-ubatan nabawi pada perspektif ilmu perubatan semasa. Setiap metodologi dilihat berperanan dalam menyumbang kepada kefahaman terhadap hadith yang lebih baik di mana penekanan terhadap kefahaman bahawa terdapat pengkhususan pada keumuman dalil-dalil tersebut. Maka, pemahaman terhadap isi kandungan hadith tidak patut difahami melalui makna umum (Mohd Hamdan, M. A. ., et. al, 2023).

Selain itu, turut wujud isu berkaitan salah faham terhadap amalan ruqyah dalam islam. sikap berhati-hati dalam kalangan masyarakat berkaitan amalan-amalan melibatkan ayat-ayat al-quran menunjukkan bahawa umat islam mengambil berat akan ajaran agama islam. namun, salah faham dan kekeliruan yang timbul boleh mendorong kepada persepsi yang negatif terhadap agama di samping potensi terjadinya penyelewengan ayat-ayat al-quran apabila masyarakat tidak mempunyai pengetahuan terhadap amalan ruqyah menurut syariat. Ruqyah merupakan salah satu jenis perubatan nabawi dan diamalkan secara meluas dalam kalangan masyarakat islam sehingga kini. Kajian berkaitan rawatan islam yang dilakukan adalah secara khusus tertumpu kepada rawatan kaedah ruqyah. Konsep ruqyah merupakan suatu konsep rawatan Islam yang amat luas meliputi rawatan menggunakan doa, rawatan menggunakan herba daripada petunjuk al-Sunnah serta rawatan menggunakan bahan semula jadi di mana ianya digunakan bagi merawat pelbagai penyakit sama fizikal atau rohani berpandukan kepada al-quran, al-sunnah dan ijthad para ulama. Permasalahan pula timbul apabila kefahaman yang rendah dalam kalangan segelintir masyarakat menyebabkan timbulnya kekeliruan terhadap ruqyah yang mengikut syariat islam serta ruqyah yang mengandungi unsur syirik yang seterusnya mencetuskan isu salah faham dan perdebatan antara masyarakat mengenai amalan ruqyah. Maka, isu ini dibahaskan melalui kefahaman terhadap kaedah ruqyah yang terbahagi kepada dua jenis iaitu ruqyah shar'iyah dan ruqyah shirkiyyah (Muhammad Masruri et. al, 2017). Ruqyah shar'iyah merujuk kepada doa-doa daripada al-quran dan hadis nabi Muhammad SAW serta amalan para ulama yang mengikut syarak. Ruqyah shirkiyyah pula merupakan jampi atau bacaan doa dengan menggunakan bahasa yang tidak difahami, kata-kata yang tidak diketahui maknanya dan mengandungi unsur syirik kepada Allah. Ruqyah yang diamalkan bagi merawat penyakit hendaklah dipastikan berlandaskan syariat islam yang sebenar iaitu ruqyah shar'iyah. Maka, amatlah

penting untuk mengetahui perbezaan antara kedua-dua ruqyah tersebut agar tidak mudah terpedaya dengan ruqyah berunsur syirik melalui pengamatan terhadap hukum ruqyah dan syarat-syarat, kaedah serta cara-cara meruqyah yang betul menurut islam sebagaimana yang dilakukan menurut ajaran Rasulullah (Muhammad Masruri et. al, 2017).

Tambah Masruri et. al (2017) ini mendedahkan realiti masyarakat pada masa kini yang mana rawatan islam jenis ruqyah masih dipandang secara negatif oleh sesetengah anggota masyarakat disebabkan oleh tindakan sesetengah pusat rawatan dan golongan perawat yang tidak mengikut syarak. Tahap pemahaman yang agak rendah merupakan faktor di sebalik timbulnya salah faham, malah mudah terdedah kepada penipuan rawatan ruqyah yang tidak menepati syariat. Pengkaji turut menekankan tentang kepentingan umat islam dalam mengetahui perbezaan antara kedua-dua jenis kaedah ruqyah tersebut kerana ruqyah merupakan salah satu rawatan bagi merawat pelbagai jenis penyakit di samping dapat mengelakkan diri daripada amalan yang menyalahi syarak.

Isu yang ketiga adalah isu perdebatan dan mentaliti sesetengah masyarakat yang terlalu obsess dengan perubatan nabawi atau perubatan islam sehingga menolak perubatan moden secara keras. Hal ini amat membimbangkan apabila sikap ini bukan sahaja memberi kesan terhadap kesihatan tubuh badan, malah berkemungkinan akan menjejaskan penjagaan kesihatan ahli keluarga apabila individu obsesi bertindak melarang ahli keluarga atau kaum kerabat dari menerima rawatan yang sewajarnya di klinik-klinik atau hospital apabila menghidap penyakit. Rosdianah Rahim (2015) membahaskan perihal ini di dalam kajiannya di mana pengkaji memberi penjelasan dan hujah ke atas salah faham antara perubatan islam dan perubatan moden. Dapat dilihat bahawa perselisihan faham ke atas perubatan moden berpunca dari persepsi bahawa ubatan moden bertentangan dengan tibb nabawi iaitu memilih perubatan moden dianggap mengabaikan al-Sunnah. Sedangkan ianya merupakan kepercayaan yang salah yang mana turut disebabkan oleh kurangnya kefahaman terhadap konsep perubatan islam (anti ubat moden) (Rosdianah Rahim, 2015).

Antara hujah yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada hadith riwayat Abi Dawud nombor 2072 apabila Rasulullah menyuruh agar sahabat yang sakit itu pergi mendapatkan rawatan daripada perawat yang pakar walaupun Baginda mempunyai pengetahuan tentang herba ubat-ubatan yang boleh digunakan. Hal ini kerana perawat pakar dalam mengetahui serba-serbi ubat-ubatan yang lebih tepat. Maka, hal ini menunjukkan bahawa perubatan islam dalam tibb nabawi bukanlah satu-satunya kaedah untuk berubat dan menyembuhkan penyakit seseorang. Pelbagai teknik rawatan boleh digunakan dalam merawat penyakit, termasuklah perubatan moden Barat. Malah, integrasi antara perubatan moden dengan perubatan nabawi berpotensi membantu mempercepatkan lagi proses rawatan dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup manusia secara amnya. Keseimbangan antara kedua-duanya adalah penting sepertimana mengamalkan perubatan moden tanpa mengeneipikan atau tidak mempercayai perubatan nabawi dan begitu juga sebaliknya. Kefahaman yang betul terhadap perubatan islam tidak akan menimbulkan kekeliruan, salah faham sama ada terhadap perubatan islam atau perubatan moden kerana masyarakat Islam hendaklah turut mempercayai manfaat tibb nabawi apabila sesetengah daripadanya telah terbukti akan manfaatnya terhadap kesihatan manusia (Rosdianah Rahim, 2015).

Perkara ini turut disokong oleh Mohd Hamdan, M. A. ., et. al, (2023) di mana persepsi umum berkaitan hadith bekam dan kaedah-kaedah perubatan islam lain sebagai satu-satunya solusi atau rawatan dan seterusnya mengetepikan rawatan lain hendaklah diperbetulkan. Hal ini apabila dapatan kajian (2023) menunjukkan kepada kepentingan kefahaman terhadap hadith dengan pengamalan perubatan nabawi tanpa mengabaikan usaha rawatan melalui perubatan moden apabila islam sendiri menganjurkan umat islam agar menjaga kesihatan dan mendapatkan rawatan sebaiknya. Oleh itu, rawatan bagi penyakit juga hendaklah bersesuaian dengan peredaran zaman serta bergantung kepada jenis penyakit.

4.3 Peranan Perawat dan Pusat Perubatan Islam

Sepertimana amalan perubatan moden yang memerlukan khidmat perawat yang disebut sebagai doktor bagi merawat pesakit melalui diagnosis terhadap pesakit dan ubat-ubatan yang bersesuaian dengan jenis-jenis penyakit tertentu, begitu juga perubatan islam melalui khidmat perawat bagi jenis-jenis rawatan selain herba, makanan dan bahan-bahan fizikal. Setiap pusat perubatan islam mempunyai para perawat yang berperanan dalam memberi rawatan kepada para pesakit mengikut jenis-jenis rawatan tertentu seperti bekam dan ruqyah. Hal ini jelas menunjukkan betapa pentingnya peranan para perawat dan pusat-pusat perubatan islam dalam rawatan bagi perubatan islam. akan tetapi, dilihat masih terdapat kelemahan dari segi kelayakan perawat dan pusat perubatan Islam serta rasa sangsi terhadap sesetengah amalan dan cara pengoperasian pusat perubatan islam. hal ini seharusnya diambil berat apabila amalan ini melibatkan akidah dan agama islam, maka penelitian terhadap pentauliah sebagai perawat dan pusat perubatan wajar dipandang dengan serius.

Hasil kajian Ramli, F. Z. M., Yama, P., & Hashim, I. Z. (2018) menunjukkan bahawa menurut responden, keberkesanan bagi kaedah ruqyah yang merupakan kaedah teras dalam perubatan islam adalah turut bergantung kepada perawat. Maka, didapati bahawa terdapat enam faktor keberkesanan ruqyah iaitu aspek akidah, fiqh, tasawuf, akhlak dan adab, meneladani sunnah Rasulullah serta aspek kelebihan lain. faktor-faktor

berkenaan disebut dari sudut perawat iaitu keperluan bagi perawat dalam menjaga keperibadian diri sebagai usaha untuk memastikan keberkesanan rawatan. Kajian ini turut menghuraikan jawapan-jawapan responden berkaitan faktor keberkesanan rawatan ruqyah dengan memasukkan hujah-hujah sokongan berupa dalil hadith dan lain-lain beserta melakukan hubungkait antara jawapan responden dengan penerangan yang lebih kukuh dan terperinci bagi menekankan betapa pentingnya para perawat dalam mengamalkan etika dan adab-adab tertentu sebagaimana peranan sebagai perawat menggunakan doa-doa khusus menurut syariat. Oleh itu, para perawat bertanggungjawab dalam memastikan rawatan ruqyah yang diamalkan bagi merawat penyakit-penyakit fizikal dan bukan fizikal dilakukan berlandaskan kepada syariat islam dan hendaklah mematuhi garis panduan bagi sebelum dan semasa rawatan sepertimana yang digariskan oleh persatuan perubatan islam Darussalam Malaysia (Ramli, F. Z. M., Yama, P., & Hashim, I. Z. 2018).

Kredibiliti pusat rawatan memainkan peranan yang penting dalam perubatan nabawi. Realiti pusat perubatan Islam di Malaysia seterusnya ditelusuri melalui kajian terhadap sebanyak 70 pusat terlibat bagi mengenalpasti persepsi perawat terhadap penggunaan jin dalam rawatan (Ariffin, M. F. M., et. al, 2015). Walaupun kajian ini dilakukan pada tahun 2015 dan terdapat kemungkinan bahawa pusat-pusat perubatan yang berkemungkinan menyimpang dari ajaran islam telah disiasat oleh pihak berautoriti dan ditutup, namun masih turut ada kemungkinan bahawa wujud pula pusat perubatan baharu serta perawat lain yang menyeleweng di negara ini. dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 9 orang pengasas daripada jumlah tujuh puluh orang pengasas pusat rawatan yang ditemu bual memilih setuju dengan kaedah rawatan menggunakan jin atau sebagai dampingan dalam rawatan. Lebih membimbangkan apabila Sembilan orang pengasas berkenaan mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan di mana empat daripada mereka memperoleh pendidikan tinggi iaitu penuntut IPT dalam serta luar negara. Kajian ini memberi kritikan kepada pusat rawatan yang mana pengamalnya bersetuju atas penggunaan jin sedangkan ianya bertentangan dengan syariat, malah menimbulkan salah faham dan memberi imej buruk serta persepsi negative terhadap islam. Penyelewengan dalam bentuk khurafat dan kemusyrikan, malah menyalahi syariat secara ketara dalam kalangan para perawat atau pengasas pusat perubatan merupakan yang telah, malah sedang terjadi di negara ini. kajian ini seterusnya membuka mata masyarakat agar lebih peka dan berhati-hati ketika mengunjungi perawat atau pusat rawatan islam di samping membuat laporan kepada pihak berkuasa sekiranya menyaksikan perbuatan atau amalan yang mencurigakan dan bertentangan dengan ajaran islam yang sebenar.

Begitu juga apabila didapati bahawa wujud penyalahgunaan ayat-ayat Al-Quran dalam kalangan para perawat dan pusat perubatan Islam itu sendiri ketika merawat pesakit. Kajian oleh Monika @ Munirah Abd Razzak et. al (2019) ke atas 36 pusat perubatan Islam dengan tumpuan kajian kepada pusat perubatan Islam yang terletak di zon utara dan zon timur Malaysia. hasil kajian menerusi kaedah temu bual dan pemerhatian mendapati bahawa penyalahgunaan ayat-ayat Al-Quran dalam kalangan pengamal pengubatan Islam telah dikenalpasti berlaku yang boleh dirumuskan kepada empat aspek salah guna ayat Al-Quran. Antaranya, pengamalan ayat Al-Quran digabungkan dengan jampi serapah yang tidak difahami sehingga bacaannya bercampur aduk dan mengelirukan seperti penggunaan bahasa tertentu yang tidak boleh difahami maknanya. Aspek kedua ialah bacaan ruqyah dengan ayat al-Quran didapati dibaca oleh sang perawat secara terbalik, iaitu bacaan bermula dari ayat belakang ke ayat awal. Contohnya, membaca ayat ke ayat secara terbalik dengan turutan sebenar 5, 4, 3, 2 dan 1 pada satu surah dalam Al-Quran dan lain-lain cara songsang. Aspek seterusnya ialah penggunaan azimat sebagai tangkal atau tujuan menolak bala dengan menggunakan ayat al-Quran. Perkara ini jelas dilarang kerana ianya merupakan suatu perbuatan syirik kepada Allah berdasarkan kepada hadith riwayat Abu Dawud hadith ke-3883. Aspek keempat adalah amalan menjadikan naskhah Al-Quran atau sebahagian helaianya sebagai bahan untuk mendampingi makhluk halus atau secara ringkasnya menggunakan khidmat jin bagi tujuan rawatan (Monika @ Munirah Abd Razzak et. al, 2019). Penyelewangan Al-Quran oleh sebilangan pusat rawatan Islam berkenaan memberi imej yang buruk terhadap agama dan menyumbang kepada pandangan yang negatif terhadap perubatan Islam, sedangkan perbuatan tersebut jelas dikutuk dan dilarang oleh agama Islam serta menyalahi syariat agama, malah tidak wajar digelar sebagai pengamalan perubatan Islam.

Di Malaysia, pihak kerajaan telah menggariskan garis panduan bagi kaedah perubatan islam bagi mengelakkan rawatan yang bercanggah dengan syariat Islam seperti pendaftaran pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di mana pengamal tersebut dikira sebagai pengamal berdaftar yang diiktiraf. Menurut Darussyifa', turut terdapat pengeluaran Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bidang perawatan ruqyah serta penilaian bagi menilai dan mengiktiraf kemahiran selari dengan kehendak standard iaitu Penilaian Pencapaian Terdahulu (PPT). Malah, pihak KKM telah menyediakan garis panduan amalan pengubatan islam bagi para perawat dan pusat rawatan islam. Oleh itu, di samping saranan terhadap masyarakat agar berhati-hati ketika memilih tempat rawatan, usaha dari pihak berautoriti serta pihak kerajaan jelas amatlah diperlukan bagi membendung masalah ini daripada terus berlaku apabila ianya turut mencemarkan imej agama Islam (Othman, M. R., et. al, 2022). Perkembangan perubatan islam, termasuklah khidmat pusat rawatan Islam berpotensi untuk dikembangkan kepada tahap yang lebih baik dan meluas, namun isu-isu terutamanya penyelewangan sama ada kepada agama islam iaitu ayat-ayat Al-Quran

dan penyelewengan bentuk fizikal seperti wang hendaklah diambil perhatian oleh semua pihak. Lantaran pengamalan perubatan Islam termasuklah bagi penyakit fizikal sebagai salah satu rawatan alternatif selepas perubatan moden yang semakin meluas dalam kalangan masyarakat, pemantauan dan kawalan pengoperasian terhadap aspek pengamal dan pusat perubatan Islam selayaknya diberi tumpuan yang lebih serius oleh pihak berkuasa.

5. Kesimpulan

Tibb Al-Nabawi merupakan suatu cara perubatan yang diamalkan dan ditunjukkan oleh Rasulullah SAW berdasarkan kepada hadith-hadith Nabawi. Kepelbagaian kaedah seperti penggunaan ayat-ayat Al-Quran sebagai ruqyah, penggunaan herba-herba dan pelaksanaan amalan bekam menjadi amalan masyarakat, terutamanya masyarakat Islam hingga ke hari. Walau bagaimanapun, wujudnya salah faham dan kekeliruan berkaitan tibb al-nabawi disebabkan oleh penyelewengan oleh pihak-pihak tertentu yang mempergunakan nama agama dengan cara yang menyalahi syariat serta kelemahan dalam aspek pengamal dan pusat perubatan Islam di Malaysia. Hal ini menimbulkan persoalan dalam integriti sesetengah perawat dan pusat perubatan Islam serta tahap kefahaman terhadap tibb al-nabawi yang sebenar dalam kalangan masyarakat kini. Usaha dari para pengkaji terdahulu dalam mengenalpasti penyelewengan dalam perubatan Islam dan usaha pihak berautoriti dalam mencegah perkara tersebut dari berleluasa adalah dipuji. Akan tetapi, ianya masih memerlukan usaha secara berterusan apabila manfaat tibb nabawi dalam dunia perubatan memunyai potensi yang besar dengan kemajuan perubatan moden pada masa kini memperlihatkan bahawa sesetengah ubat-ubatan moden telah mula mengintegrasikan tibb nabawi dan perubatan moden dengan menggunakan bahan-bahan dari tibb nabawi dalam pembuatan ubatan moden. Oleh itu, kerjasama daripada semua pihak sangat diperlukan bagi memastikan pengamalan perubatan Islam yang sebenar dapat terus dilaksanakan.

Penghargaan

Penyelidikan ini telah dibiayai oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia melalui Geran Multidisiplin Vot Q758.

Konflik Kepentingan

Penulis tiada konflik kepentingan dalam penulisan dan penerbitan artikel ini.

Sumbangan Penulis

*Penulis ingin menyatakan sumbangan setiap penulis dalam penulisan artikel ini seperti berikut: **konsep dan gaya penulisan:** Nurnajwa Izzati Ahmad, Nur Zainatul Nadra Zainol; **pengumpulan data:** Nurnajwa Izzati Ahmad; **analisis data dan interpretasi data:** Nurnajwa Izzati Ahmad, Nur Zainatul Nadra Zainol; **penyediaan draf penulisan:** Nurnajwa Izzati Ahmad, Nur Zainatul Nadra Zainol. Semua penulis telah menilai dapatan kajian dalam manuskrip akhir artikel ini.*

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Abu Dawud. 2009. Sunan Abi Dawud. Dar Al-Risalah Al-Alimiah.

Ahmad ibn Hanbal. 1995. Al-Musnad Li Al-Imam Ahmad Bin Hanbal. Dar Al-Hadith Kaherah.

Ariffin, M. F. M., Ahmad, K., Rosele, M. I., & Ismail, M. Z. (2015). Pusat perubatan alternatif islam di Malaysia: Persepsi perawat terhadap aplikasi jin dalam rawatan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9, 61.

Al-Bukhari. 2002. Sahih Al-Bukhari. Dar Ibnu Kathir Li Al-Thiba'ah Wa Al-Nashr Wa Al-Tauzi' Damsyik-Beirut.

Islamweb.com. 2025. www.Islamicweb.com

Jawami' Kalim. 2025. SoftwareHaditsTerlengkapJawami'ulKalim-islamdownload

Kasim Ramli & Sofia Hayati Yusoff (2018). Perubatan Nabi:Kefahaman Terhadap Sunnah Dan Praktis Perawat. *Journal Al-'Abqari, Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, Vol. 17 (Special Edition) March 2019: 97-106.

Maktabah Shamilah. 2025.

Muhamamd Masruri, Jawiah Dakir, Ahamad Asmadi Sakat, Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2017). Konsep Al-Sunnah Dalam Rawatan Penyakit. *Jurnal Hadhari* 9 (1) (2017) 125-139 ejournals.ukm.my/jhadhari ISSN 1985-6830. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Monika @ Munirah Abd Razzak, Khadher Ahmad, & Nik Mohd Zaim Ab Rahim (2019). Penyalahgunaan Ayat Al-Quran Dan Penyelewengan Pusat Pengubatan Islam Di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies* 2019, Vol 4(2) 429-448 Universiti Sultan Zainal Abidin ISSN 0127-9386 (Online)
<http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol4iss2pp429-448>.
- Muhammad Akmalludin Mohd Hamdan (2023). Prinsip Ubat-Ubatan Nabawi Menurut Mahmud Nazhim Al-Nasimi. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah* Vol. 19 No. 2 (2023) DOI:
<https://doi.org/10.33102/jmq.v19i2.437>.
- Mohd Hamdan, M. A. ., Abdul Rahman, M. Z. ., & Faisal , M. S. . (2023). Perkembangan Khidmat Ilmiah Terhadap Hadis-Hadis Al-Tib Al-Nabawi: Analisis Sistematis: The Development of Academic Service Towards The Hadiths Of Al-Tib Al-Nabawi: A Systematic Literature Analysis. *Journal Of Hadith Studies*, 8(2), 145–158.
<https://doi.org/10.33102/johs.v8i2.269>
- Othman, M. R., Basir, S. A., Ahmad, K., Awang, K., & Mohd Yusoff, Z. (2023). Perubatan Islam: Analisis Perkembangan, Kesan, dan Permerkasaan di Malaysia: Islamic Medicine: The Analysis on The Evolution, Impact and Empowerment in Malaysia. *Abqari Journal*, 28(1), 25–47.
<https://doi.org/10.33102/abqari.vol28no1.407>
- Muslim. 2006. Sahih Muslim Al-Musamma Al-Musnad Al-Sahih Al-Mukhtasar Min Al-Sunan Bi Naql Al-Adl 'An Al-'Adl Ila Rasulullah. Dar Tayyibah Li Al-Nashr Wa Al-Tauzi'.
- Ramli, F. Z. M., Yama, P., & Hashim, I. Z. (2018). Kaedah Dan Faktor Keberkesanan Perubatan Islam Ruqyah: Kajian Kes Dato' Ismail Kamus. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018 PASAK 3 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor* eISBN: 978-967-2122-47-0.
- Rosli, M. H., Yusof @ Salleh, M. Y., & Zainal Abidin, M. Z. H. (2024). The Concept Of Cupping As A Treatment For Diseases According To Ibn Qayyim Al-Jawziyyah In The Book Tibb An-Nabawi : Konsep Bekam Sebagai Terapi Rawatan Penyakit Menurut Ibnu Qayyim Al-Jawziyyah Dalam Kitab Tibb An-Nabawi. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(2), 227–239. Retrieved from <https://al-qanatir.com/aq/article/view/846>.
- Rosli, M. H., Yusof @ Salleh, M. Y., & Zainal Abidin, M. Z. H. (2024b). Treatment Of Toxins In The Body Through Cupping Therapy According To Ibn Qayyim Al-Jawziyyah: Rawatan Racun Dalam Badan Melalui Terapi Bekam Menurut Ibn Qayyim Al-Jawziyyah. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(6), 144–159. Retrieved from <https://www.al-qanatir.com/aq/article/view/1064>
- Rosdianah Rahim (2015). The Concept Of Islamic Treatment On Disease. *JICSA Volume 04-Number 02*, December 2015. UIN Alauddin Makassar.
- Sunnah.com. 2025 akses: www.sunnah.com
- Al-Tirmidzi. 1996. *Al-Jami' Al-Kabir* Li Imam Al-Hafiz Ibi Isa Muhammad Bin Isa Al-Tirmidzi. Dar Al-Gharb Al-Islami.